

Lantai bergegar sebelum laman masuk sungai

Hujan lebat, arus deras punca tanah runtuh

Oleh Robert Kenneth
bhnews@bharian.com.my

KUCHING: “Tiba-tiba lantai dapur rumah saya bergegar diikuti bunyi dentuman kuat di belakang rumah. Sebaik menjenjung di tingkap, saya terkejut mendapati sebahagian laman belakang rumah bapa saya sudah runtuh ke dalam sungai,” kata Kenek Sarus dari Kampung Danu, Jalan Puncak Borneo, di sini.

Dalam kejadian jam 4.40 petang semalam, rumah Sarus Jait, 76, yang terletak berhampiran tebing hulu Sungai Semadang (Sungai Sarawak Kiri) dilanda tanah runtuh berikutan hujan lebat dan arus deras yang melanda sejak beberapa hari lalu.

Kenek, 35, berkata ketika kejadian beliau sedang membasuh pinggan di dapur, manakala ibu dan bapanya berada di ruang tamu.

“Ketika membasuh pinggan, tiba-tiba saya berasa lantai dapur bergegar dan tidak lama kemudian

saya dengan bunyi dentuman kuat dari belakang rumah.

“Sebaik menjenguk di tingkap dapur, saya terkejut melihat sebahagian kawasan halaman belakang rumah sudah runtuh ke dalam sungai dengan runtuhan berkenaan begitu hampir dengan rumah,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Kenek berkata, tanpa membuang masa beliau bergegas ke ruang tamu memberitahu ibu dan bapanya supaya keluar dari rumah kerana bimbang runtuhan tanah berlaku

lagi sekali gus mengancam nyawa mereka.

Sementara itu, Sarus berkata, beliau bersyukur ketika kejadian ahli keluarga, termasuk cucunya yang pulang menyambut Krismas, Ahad lalu sudah kembali ke rumah masing-masing.

“Bayangkan jika ketika runtuhan berlaku ada cucu saya sedang bermain di belakang rumah, pasti kejadian ini menjadi tragedi bagi keluarga saya kerana ia mungkin menyebabkan kehilangan nyawa,” katanya.

Beliau berkata, dengan dibantu beberapa penduduk, mereka memبرانikan diri pergi ke kawasan berdekatan runtuhan berkenaan untuk menyelamatkan beberapa barang di stor belakang rumahnya, termasuk dua set jana kuasa.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak berkuasa mengambil langkah perlu bagi memastikan runtuhan tanah di belakang rumahnya tidak bertambah serius dan mengancam nyawa mereka sekeluarga.



Ketika membasuh pinggan, tiba-tiba saya berasa lantai dapur bergegar dan tidak lama kemudian saya dengan bunyi dentuman kuat dari belakang rumah



Kenek Sarus
Penduduk Kampung Danu



KEADAAN tanah runtuh di belakang rumah Sarus Jait di Kampung Danu, Jalan Puncak Borneo.